

OCCUPATIONAL HEALTH, SAFETY & WELLBEING POLICY

POLICY STATEMENT

The University is committed to providing staff, students, contractors and visitors with a healthy, safe and supportive environment.

The University communicates and consults to promote the safety, health and wellbeing of staff, students, contractors and visitors. Innovation is encouraged, and a systematic approach is taken by the University to identify, assess and control OHS hazards and to identify OHS opportunities.

1. General Principles

1.1 The University's approach to the health, safety and wellbeing of staff, students, contractors and visitors engaged in University activities is guided by the following general principles.

- 1.1.1 The University acknowledges that the health, safety, and wellbeing of its people is paramount;
- 1.1.2 The University provides and supports an environment for work and study where our people can thrive and flourish;
- 1.1.3 The University aims to demonstrate leadership in occupational health, safety and wellbeing and the need for global consistency across all sites using best practice frameworks in OHS and wellbeing;
- 1.1.4 The University provides and supports services, programs and initiatives to empower staff and students to meet their responsibilities and contribute to fostering an inclusive, participative and consultative culture of safety, good health, and wellbeing;
- 1.1.5 The University communicates and consults with staff, students and employee representatives on University activities impacting their physical and mental health, safety and wellbeing;
- 1.1.6 The University commits to fulfil its legal and other requirements;
- 1.1.7 The University commits to eliminate hazards and reduce OHS risks, including the risk of injuries, diseases and ill health resulting from University activities; and
- 1.1.8 The University monitors and reviews its performance at all levels to continuously improve the management of health, safety and wellbeing.

2. Occupational Health and Safety Management System

2.1 The University's [Occupational Health and Safety Management System](#) (OHSMS) is certified to an internationally-recognised standard and provides the framework for OHS risk management, setting measurable OHS objectives and ensuring continual improvement of the OHSMS.

2.2 The OHSMS comprises an organisational structure, planning activities, responsibilities, practices, procedures, processes and resources for developing, implementing, achieving, reviewing and maintaining this Policy.

3. Occupational Health and Wellbeing

3.1 The University's framework for health and wellbeing is aligned with World Health Organisation principles that address mental health, physical health, food for health, environmental, community and work health.

3.2 Direction and strategy for health and wellbeing programs and services is evidence based, utilising data derived from the Thrive@ Monash program and other relevant local and international sources.


3.3 The University's health and wellbeing programs and initiatives are culturally diverse and inclusive, and encourage healthy lifestyle choices and active participation.

4. Roles and Responsibilities

4.1 Responsibility for fostering a healthy and safe environment is shared between University management, staff, students, visitors and contractors.

4.2 All staff and students must participate in making the University a safe and healthy place for work and study, and the University will support and facilitate active participation in these matters.

4.3 The University's [Occupational Health and Safety Committee](#) advises the University on OHS matters, ensuring a coordinated approach to the management of health, safety and wellbeing at the University.



Professor Andrew Walker
President and Pro Vice-Chancellor

26 April 2022

DASAR KESIHATAN, KESELAMATAN & KESEJAHTERAAN PEKERJAAN

KENYATAAN DASAR

Universiti komited untuk menyediakan kakitangan, pelajar, kontraktor dan pelawat dengan persekitaran yang sihat dan selamat.

Universiti akan senantiasa berkomunikasi dan berunding untuk mempromosikan keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan kakitangan, pelajar, kontraktor dan pelawat. Inovasi digalakkan, dan pendekatan sistematik diambil oleh Universiti untuk mengenal pasti, menilai dan mengawal bahaya yang berkaitan dengan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan, dan juga untuk mengenal pasti peluang penambahbaikan.

1. Prinsip Am

1.1 Pendekatan Universiti terhadap kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan kakitangan, pelajar, kontraktor dan pelawat yang terlibat dalam aktiviti Universiti adalah berpandukan kepada prinsip am berikut.

- 1.1.1 Universiti mengiktiraf bahawa kesihatan, keselamatan, dan kesejahteraan warganya adalah penting;
- 1.1.2 Universiti menyediakan dan menyokong persekitaran untuk bekerja dan belajar di mana warga kita boleh berkembang maju dan berkembang;
- 1.1.3 Universiti akan sentiasa menunjukkan kepimpinan dalam kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan pekerjaan untuk mencapai konsistensi global merentasi semua tempat dengan menggunakan rangka kerja amalan terbaik dalam OHS dan kesejahteraan;
- 1.1.4 Universiti menyediakan dan menyokong perkhidmatan, program dan inisiatif untuk memperkasakan kakitangan dan pelajar untuk memenuhi tanggungjawab mereka dan untuk memupuk budaya keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan yang inklusif, dan menggalakkan penyertaan dan perundingan berkaitan kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan pekerjaan;
- 1.1.5 Universiti berkomunikasi dan berunding dengan kakitangan, pelajar dan wakil pekerja mengenai aktiviti yang dijalankan di Universiti yang memberi kesan kepada kesihatan fizikal dan mental, keselamatan dan kesejahteraan mereka;
- 1.1.6 Universiti komited untuk memenuhi keperluan undang-undang dan keperluan yang berkaitan;;
- 1.1.7 Universiti komited untuk menghapuskan situasi bahaya dan mengurangkan risiko berkaitan kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan pekerjaan, termasuk risiko kecederaan, penyakit dan kesihatan yang tidak baik akibat daripada aktiviti Universiti; dan
- 1.1.8 Universiti memantau dan menyemak prestasinya di semua peringkat untuk terus meningkatkan pengurusan kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan.

2. Sistem Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan


- 2.1 Sistem [Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan](#) (OHSMS) Universiti diperakui kepada piawaian yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dan menyediakan rangka kerja untuk pengurusan risiko OHS, menetapkan objektif OHS yang boleh diukur dan memastikan peningkatan berterusan OHSMS.
- 2.2 OHSMS terdiri daripada struktur organisasi, perancangan aktiviti, tanggungjawab, amalan, prosedur, proses dan sumber untuk membangunkan, melaksanakan, mencapai, menyemak dan mengekalkan Polisi ini.

3. Kesihatan dan Kesejahteraan Pekerjaan

- 3.1 Rangka kerja Universiti untuk kesihatan dan kesejahteraan adalah sejajar dengan prinsip Pertubuhan Kesihatan Sedunia yang menangani kesihatan mental, kesihatan fizikal, makanan untuk kesihatan, alam sekitar, komuniti dan kesihatan kerja.
- 3.2 Hala tuju dan strategi untuk program dan perkhidmatan kesihatan dan kesejahteraan adalah berasaskan bukti, menggunakan data yang diperoleh daripada program Thrive@ Monash dan sumber tempatan dan antarabangsa yang berkaitan.
- 3.3 Program dan inisiatif kesihatan dan kesejahteraan Universiti inklusif, mengandungi pelbagai budaya dan menggalakkan pilihan gaya hidup sihat dan penyertaan aktif.

4. Peranan dan Tanggungjawab

- 4.1 Tanggungjawab untuk memupuk persekitaran yang sihat dan selamat dikongsi bersama antara pengurusan Universiti, kakitangan, pelajar, pelawat dan kontraktor.
- 4.2 Semua kakitangan dan pelajar mesti mengambil bahagian dalam menjadikan Universiti sebagai tempat yang selamat dan sihat untuk bekerja dan belajar, dan Universiti akan menyokong dan memudahkan penyertaan aktif dalam perkara ini.
- 4.3 Jawatankuasa Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan Universiti menasihati Universiti mengenai perkara berkaitan kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan pekerjaan, memastikan pendekatan yang diselaraskan untuk pengurusan kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan di Universiti.



Professor Andrew Walker
President and Pro Vice-Chancellor
26 April 2022